

17 MAY 2001

Mauritius-Penuntut

MAURITIUS BERCADANG MENGHANTAR PENUNTUT KE MALAYSIA

PETALING JAYA, 17 Mei (Bernama) -- Mauritius bercadang menghantar 500 penuntut ke institusi-institusi pengajian tinggi Malaysia setiap tahun khasnya dalam kursus-kursus berkaitan Maklumat, Komunikasi dan Teknologi (ICT).

Menteri Buruh Dan Hal Ehwal Industri Mauritius S.Soodhun hari ini berkata yang kedua-dua negara mempunyai banyak persamaan khasnya ke arah pembangunan ICT.

Oleh sebab itu Mauritius berharap dapat berkongsi kejayaannya dalam bidang itu khasnya bersama penuntut-penuntut negara itu, kata beliau kepada pemberita selepas bertemu dengan 12 penuntut Mauritius di Limkokwing Institute of Creative Technology.

Soodhun, yang berada di sini buat pertama kali kagum dengan pembangunan sektor pendidikan di negara ini.

Beliau berkata, berbanding Eropah, Amerika dan negara-negara lain kos pendidikan di sini jauh lebih rendah walaupun standardnya setaraf dengan di negara-negara itu.

Soodhun menjelaskan kerajaan Mauritius memberi keutamaan kepada pendidikan dengan 44 peratus daripada peruntukan belanjawannya dikhaskan bagi sektor pendidikannya.

Semasa lawatan itu, beliau menandatangani memorandum bersama pengerusi institut itu Tan Sri Lim Kok Wing bagi biasiswa yang ditawarkan kepada 10 penuntut Mauritius untuk melanjutkan pengajian di Institut Limkokwing dan kolej sekutunya Millenium Institute of Technology.

Sebelum itu, Soodhun mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya di Putrajaya.

-- BERNAMA

KLS AHH PR